

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
KMK 2216/1
Tahun 2025

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.

(a) Isi

Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.

- | | | |
|-------|---------------------------------|--------------|
| (i) | Fakta berserta huraian / contoh | 2 markah |
| | | [1+1 markah] |
| | | 3 markah |
| | | [1+2 markah] |
| | | 4 markah |
| | | [1+3 markah] |
| | | [2+2 markah] |
| (ii) | Fakta tanpa contoh. | 2 markah |
| (iii) | Fakta betul, contoh salah | 1@ 2 markah |
| (iv) | Fakta salah, contoh betul | 0 markah |

(b) Penyampaian

- (i) Jawapan Bahagian Satu dalam bentuk **struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek**. Jawapan Bahagian Dua dalam bentuk **esei**.
- (ii) Menggunakan bahasa yang betul.
- (iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.
- (iv) Soalan perbandingan, mengikut perbandingan terus, bukannya dalam bentuk yang disenaraikan.

Bahagian A.

1. Citra Masyarakat Markah

i. Gambaran masyarakat yang cintakan alam sekitar [2+2]

Contoh: seminggu kemudian, kumpulan pencinta alam yang berpejabat di Kuri secara rasmi membantah projek itu.

ii. Gambaran masyarakat yang rasional dalam membuat keputusan [2+2]

Contoh: mereka menyertakan kajian ilmiah setebal tujuh puluh lima halaman memberi penekanan kepada bencana besar yang akan dihadapi oleh Futu-Ata andainya projek itu diteruskan

[Maksimum : 4 markah]

2. Satu persoalan petikan cerpen Perspektif

(i) Persoalan tentang sikap berniat baik terhadap orang lain.

Contoh : Dia berniat untuk sedekahkan baju-baju yang baru siap itu kepada saudara-maranya di kampung. 2+2

(iii) Persoalan berserah kepada takdir/ reda dengan ketentuan

Takdir.

Contoh: Kalau Abang Said meragam, malu berjalan dengannya selepas ini, dia akan berserah kepada takdir. 2+2

(iv) Persoalan kasih sayang dalam sesebuah perhubungan.

Contoh: Dia tidak boleh menggembirakan semua orang. Imej Abang Said harus dijaga agar jangan dikata orang lagi. Begitulah

kasih seorang isteri. 2+2

Jumlah markah [4 markah]

3. Dua ciri drama Markah

(i) Ada watak/pelakon

Contoh : Zaki/ Anna

1+1

(ii) Ada dialog

Contoh : ZAKI: Dapatkah kaulupakan White Christmas dan Trafalgar Square? (Bercakap dengan lemah lembut).

ANNA (memotong): Aku dah lupakan peristiwa itu. Usah engkau ulangi lagi / Perbualan antara Zaki dan Anna

1+1

(iii) Ada aksi

Contoh : ZAKI : (Bercakap dengan lemah lembut)./

ANNA (memotong): / ZAKI (tak hiraukan ANNA):

1+1

[Maksimum : 4 markah]

4. Dua Nilai Murni Markah

i Nilai Ketaatan [1 + 1]

Contoh : Nilai anak kerana ketaatan

ii Nilai kasih sayang [1 + 1]

Contoh : Nilai emak kerana asuhan

iii Nilai bertanggungjawab [1 + 1]

Contoh : Nilai bapa kerana tanggungan

[Maksimum : 4 markah]

5. Latar tempat

(i) Dari Medan ke Permatang Siantar [1+1]

Contoh: Semasa bertolak dari Medan ke Permatang Siantar, dia bertembung dengan anak-anak muda yang memegang dan menadah bakul memohon derma di jalanan untuk membina masjid.

(ii) Tanah Saribo [1+1]

Contoh: Semasa merentasi Tanah Saribo, hatinya tergores lagi tetapi jiwanya kecut beku. Tugu-tugu bertaburan di atas bumi. Dia takut melihat tugu-tugu perkuburan itu kerana dalam agamanya, kesemua itu tidak ada.

(iii) Perkampungan Tiga Dolok [1+1]

Contoh: Namun, sebaik sahaja melintas perkampungan Tiga Dolok,sebaik sahaja dia nampak tebing Danau Toba yang tinggi itu, dia seperti hilang dirinya.

[Maksimum: 4 markah]

6. Dua pengajaran Markah

(i) Kita haruslah menginsafi hakikat bahawa kita akan mati

Contoh: Ini tanah kita,pesan bonda.

kau akan bersemadi di bawahnya

[1+1]

(ii) Kita hendaklah sentiasa berdoa / Kita hendaklah berzikir dalam mengingati Tuhan

Contoh: tangan; menzikiri nama Tuhan

bertubi-tubi airmatanya membasahi pipi

[1+1]

(iii) Kita hendaklah menjadi orang yang sentiasa berani semasa hidup sehinggalah kita berhadapan dengan kematian /

Kita hendaklah berani berhadapan dengan kematian

Contoh: untuk menjadi lelaki paling berani

bakal mendiami liang tanah ini

[1+1]

[Maksimum : 4 markah]

7. Dua perwatakan

(i) Seorang yang pemurah

Contoh: “ Hai Oya Bagelang, panggil mari utusan itu hampir kita ini! “ Laksamana pun serta menyembah. Maka titah Phra Cau, “ Hai Laksamana, jangankan empat

ekor Raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri!' [1+1]

(ii) Seorang yang menghargai tetamu. / Seorang yang memuliakan tetamu.

Contoh: " Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara siam dengan fasih lidahnya dan manis suaranya, Maka raja pun terlalu amat kurnia akan Laksamana dan dipersalin cara Siam. [1+1]

[Maksimum : 4 markah]

8. Pandangan terhadap latar masyarakat

(i) Masyarakat yang taat akan perintah Tuhan mampu mengeratkan silaturrahim. [2+2]

Contoh: Itu pun selepas solat Isyak apabila semua mereka selesai berjemaah di masjid kampung.

(ii) Masyarakat yang menghormati adat budaya dan cara hidup bagi menjamin Keharminian masyarakat. [2+2]

Contoh: Kalau ada sakit demam atau mati relai, latihan menabuhkan gong gendang dihentikan sebagai menghormati saudara -mara sekampung.

(iii) Masyarakat yang cinta akan seni warisan budaya agar terus diwarisi. [2+2]

Contoh: Tok siak, pak lebai, dan imam masjid di kampungnya itu pun tak pernah menghina kerja-kerja seni Pak Yasok sebegitu rupa

[Maksimum: 4 markah]

9. Ciri kepemimpinan Encik Firdaus

(i) Pemimpin yang berpandangan jauh / berwawasan

Contoh: Saya dapati pokok buah-buahan di Bukit Emas, khususnya durian mempunyai potensi besar untuk masa depan penduduk di sini.

[2+2]

(ii) Pemimpin yang mengekalkan / memelihara khazanah alam / alam sekitar

Contoh: Bukit Emas patut dikekalkan. Bukit Emas hendaklah dipelihara alam semula jadinya. / Bahkan penduduk-penduduk kampung yang mempunyai dusun buah-buahan di Bukit Emas hendaklah memastikan

pokok-pokok yang sudah terlalu tua dan hampir mati ada gantinya. /
Benih-benih baharu hendaklah diusahakan dari semasa ke semasa agar
Bukit Emas akan terus menghijau.

[2+2]

(iii) Pemimpin yang menjaga kepentingan / kebajikan penduduk
Contoh: Biarkan pokok buah-buahan di Bukit Emas terus memberikan
rezeki yang melimpah kepada semua penduduk Kampung Kuah

[2+2]

[Maksimum: 4 markah]

10. Teknik Plot Markah

i. Pemerian

Contoh : Lelaki itu, yang memangnya sejak membaca berita pagi tadi
lagi telah pun bersedia dengan jawapannya

1 + 1

ii. Imbas muka

Contoh : Biarlah mahkamah yang menentukannya nanti.

1 + 1

iii. Dialog

Contoh : “Memang benarlah seperti yang dikatakan oleh profesor itu.
Tuntutan ganti rugi berangkai memang tak dibenarkan,” katanya dengan
lancar. Suaranya ditekankan dengan nada autoritatif.
“Kalau begitu, mengapakah tuan masih mahu menyaman
sedangkan sudah jelas duduk perkara?”

1 + 1

Maksimum 4 : markah

BAHAGIAN B

11. a) Bukti syair

- Mempunyai rangkap/ada rangkap_/berangkap.

Contoh: 9 rangkap

- Puisi ini mempunyai jumlah baris yang sama serangkap. (1+1)

Contoh: empat baris serangkap

- Puisi ini mempunyai jumlah perkataan yang tidak sama sebaris. (1+1)

Contoh: dua hingga lima patah perkataan sebaris.

- Semua baris ialah maksud. (1+1)

Contoh: Tersebut pula suatu perkataan,

Raja Malabari empunya kerajaan,

Sehari-hari bersuka-sukaan,

Rakyatnya banyak tiada terkian.

- Rima akhir sama. (1+1)

Contoh: aaaa

- Puisi ini berbentuk terikat (1+1)

Contoh: Rima akhir adalah sama

[Maksimum: 6 markah]

b) dua unsur patriotisme

I. Patuh/ taat pada perintah raja Huraian:

Bangsanya Ajam baginda itu,

Kerajaan besar bukan suatu,

Takluk banyak sudah tertentu,

Menghantar ufti sekalian ke situ (2+1)

II. Bersatu padu dalam kehidupan Huraian:

Banyaknya tidak menderita,

Berlimpah sampai ke tepi kota,

Bahana gemuruh gegak gempita,
Menghadap baginda di atas takhta (2+1)

III. Bangga dengan kebesarannya Huraian:

Baginda melihat kebesarannya,
Sangatlah takbur pada rasanya,
Lalu bertitah kepada menterinya, Aku nan siapa tara bandingnya. (2+1)

(beri markah seperti biasa jika calon menghuraikan contoh berdasarkan rangkap)
[Maksimum: 6 markah]

c) (i) Tema 2

(ii) Bahasa 2

(iii) Bentuk 2

(iv) Kreativiti 2

Nota:

1. Jumlah rangkap pantun yang dicipta oleh calon kurang daripada dua rangkap , berikan 4 markah maksimum.
2. Jika calon tidak menulis tajuk pantun, tolak 1 markah kreativiti.
3. Jumlah rangkap yang dicipta oleh calon lebih daripada dua rangkap, periksa seperti biasa.
4. Pantun yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.

[Maksimum : 8 markah]

12. (a) Empat perkara yang berlaku

(i) Perkara yang berlaku selepas khabar budak miskin itu hilang: [2+2]

- Syahbandar itu pun datanglah mendapatkan bonda budak miskin itu.

- Bonda budak miskin itu pun datanglah menangis di kaki Syahbandar itu dengan berbagai-bagai ratap tangisnya itu.

- Syahbandar itu pun turut menangis juga kerana belas kasihan hatinya melihat

kelakuan bonda budak itu.

- Bonda budak itu pun berbuat kenduri sehari-hari tiadalah berhenti.

Duduklah ia dengan bercintakan anaknya itu juga.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Sanjungan terhadap Perwatakan Budak Miskin

i. Sayang akan keluarga [2+2]

Huraian: Budak miskin sangat menyayangi ibunya dia berpesan kepada bondanya agar tidak ke mana-mana ketika dia ke rumah Syahbandar

ii. Sopan santun dalam tindakan [2+2]

Huraian: Budak miskin memohon diri kepada Syahbandar untuk pulang ke rumah selepas bermain/membuat persembahan bersama-sama anak ular naga di kampung Syahbandar./ Budak miskin memohon diri untuk pulang ke rumah selepas bermain/ membuat persembahan bersamasama anak ular naga di istana/ Budak miskin memohon diri kepada raja naga selepas raja naga memberikan cincin hikmat kepadanya. / Budak miskin memohon diri kepada orang tua selepas menukar tongkat saktinya dengan parang puting.

iii. Patuh/taat kepada arahan pemerintah [2+2]

Huraian: Budak Miskin taat kepada arahan Syahbandar untuk ke rumah Syahbandar dengan membawa anak ular naga/ Budak miskin patuh kepada arahan raja supaya membawa anak ular naga ke kampung raja.

iv. Sayang akan haiwan peliharaan [2+2]

Huraian: Budak Miskin menyayangi rakan-rakan haiwannya dengan mencari anak ular naga yang hilang.

v. Prihatin/mengambil berat terhadap haiwan peliharaan [2+2]

Huraian: Budak miskin mengembara ke dalam hutan untuk mencari anak ular naga yang hilang/ melarikan diri ke hutan
vi. Bertanggung jawab terhadap ahli keluarga [2+2]

Huraian: Budak Miskin bertanggungjawab ke atas keselamatan bondanya dengan melarang bondanya keluar rumah ketika dia ke rumah Syahbandar.

vii. Setia terhadap kawan [2+2]

Huraian: Contoh: Budak Miskin keluar mencari anak ular naga apabila anak ular naga melarikan diri ke hutan kerana bimbang apa-apa terjadi.

viii. Bijak dalam tindakan [2+2]

Huraian : Budak miskin bijak dalam tindakannya untuk mendapatkan tongkat sakti daripada hulubalang naga dengan memukul tongkat sakti ke dalam kolam sehingga menyebabkan hulubalang naga tidak dapat bergerak.

ix. Berani mencari penyelesaian masalah [2+2]

Huraian: Budak Miskin berani berjalan di dalam hutan seorang diri bagi mencari anak ular naga/ Budak Miskin berani berhadapan Datuk Ular Naga/ Budak Miskin berani mengambil tongkat sakti daripada hulubalang naga.

x. Murah hati terhadap orang lain [2+2]

Huraian: Budak Miskin mengajak dan memberi makan kepada orang tua pemilik parang puting.

[Maksimum: 8 markah]

(c) Penciptaan sajak berdasarkan perwatakan Budak Miskin

(i) Tema 2

(ii) Bentuk 2

(iii) Bahasa 2

(iv) Kreativiti 2

[Maksimum: 8 markah]

Nota:

- i. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon kurang daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.
- ii. Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan 1 markah maksimum untuk bentuk.
- iii. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.
- iv. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada 15 baris, periksa seperti biasa.
- v. Sajak yang tidak menepati tema sajak, berikan 0 markah untuk tema.

13. a) Empat penampilan lelaki tua

- (i) Pakaiannya seperti nelayan dari Kuri 1 [1]
- (ii) Badannya telah mulai bongkok sabut [1]
- iii. Jambang, misai, dan janggut hampir menutup wajahnya [1]
- iv. Dia memakai kaca mata gelap yang murah, yang biasanya dijual di kaki lima kedai di Tatamanu. [1]

[Maksimum: 4 markah]

(b) Dua pandangan terhadap perwatakan Guru Kidal ialah

- (i) Guru Kidal berani mengkritik pemerintah [2+2]

Huraian: Guru Kidal menyuarakan kepincangan pemerintah kepada para siswanya dan menulis makalah berkaitan kepincangan dalam kepemimpinan negaranya

- (ii) Guru Kidal bertindak terburu-buru [2+2]

Huraian: Pengorbanannya memotong jari manis tangan kanannya sia-sia kerana dia menerima hukuman dua minggu kemudian di mana dia dipindahkan di Pendalaman Kuri dan ahli keluarganya turut menerima hukuman.

- (iii) Guru Kidal berpegang kepada janjinya_ / menepati janji [2+2]

Huraian: Dia mengerat jari manis tangan kanannya setelah dua bulan makalahnya diterbitkan tanpa dikenakan apa-apa tindakan.

(iv) Guru Kidal bersyukur atas kejayaan [2+2]

Huraian: Dia mengadakan jamuan thanksgiving kerana bersyukur pembinaan padang golf di pedalaman Kuri tidak di laksanakan

(v) Guru Kidal mempunyai keyakinan yang tinggi [2+2]

Huraian: Dia yakin Ogoshoto sudah belajar daripada kemarau panjang sembilan bulan. Tidak ada hutan akan dikorbankan lagi termasuk pedalaman Kuri, jadi tidak mungkin jari hantunya akan bercerai dari tapak tangannya.

[Maksimum: 8 markah]

(c) Keperibadian unggul Guru Kidal

(i) Berani mengkritik pemerintah [2+2]

Huraian: Guru Kidal menyuarakan kepincangan pemerintah kepada para siswanya dan menulis makalah berkaitan kepincangan dalam kempimpinan negaranya

(ii) Bersyukur apabila beroleh kejayaan [2+2]

Huraian: Guru Kidal berhasrat mengadakan jamuan thanksgiving kerana dia berasa wajar untuk bersyukur hutan pedalaman Kuri selamat

(iii) Menepati janji [2+2]

Huraian: Guru Kidal mengerat jari manisnya tangan kanannya setelah dua bulan makalahnya diterbitkan tanpa dikenakan apa-apa tindakan.

(iv) Mencintai alam sekitar [2+2]

Huraian: Guru Kidal menentang pembinaan padang golf di Pedalaman Kuri kerana akan memusnahkan alam sekitar.

[Maksimum: 8 markah]

14. (a) pemikiran yang terdapat dalam drama Mat Piah dan Mr. Blackway [4 markah]

Semangat dalam mempertahankan hak bangsa dan negara.

Huraian: Mat Piah bersemangat mempertahankan hak bangsa

Melayu dan juga negara apabila Blackway menceritakan fakta sebenar tentang sejarah pembukaan Pulau Pinang oleh orang Inggeris melalui cara penipuan.

2 + 2

Jumlah markah 4 markah

(b) Nilai

(i) Nilai kegigihan

Contoh: Mat Piah gigih mencari rezeki dengan mengayuh beca sehingga dinihari untuk mencari penumpang.

[1+1]

(ii) Nilai kesabaran

Contoh: Mat Piah tetap bersabar walaupun tidak memperoleh wang setelah seharian mengayuh beca.

[1+1]

(iii) Nilai patriotisme / cinta akan negara

Contoh: Mat Piah marah apabila Mr.Blackway memberitahu bahawa Francis Light telah menipu Sultan Kedah untuk mendapatkan Pulau Pinang. / Mat Piah mempunyai pengetahuan tentang sejarah Pulau Pinang. / Mr. Blackway berbangga menyatakan Pulau Pinang / Prince of Wales / Province Wellesley milik Inggeris / Syarikat Hindia Timur Inggeris / King George II

[1+1]

(iv) Nilai kejujuran / berterus-terang

Contoh: Mr.Blackway jujur / berterus-terang menceritakan kepada Mat Piah bahawa Francis Light bukanlah peneroka Pulau Pinang.

[1+1]

(v) Nilai keinsafan

Contoh: Mr.Blackway insaf atas perbuatannya yang bersubahat dengan Francis Light menipu / mengkhianati Sultan Kedah / Sultan Abdullah / Sultan Muhammad Jiwa / Orang Melayu untuk mendapatkan Pulau Pinang.

[1+1]

[Maksimum: 8 markah]

(c) Dengan menggunakan kreativiti anda, sambung skrip drama diatas supaya menjadi cerita yang menarik.

[8 markah]

i. Idea 2 markah

ii. Teknik 2 markah

iii. Bahasa 2 markah

iv. Kreativiti 2 markah

Nota:

1. Isi yang tidak ada kesinambungan dengan petikan berikan 0 markah idea/ isi.

2. Jika calon menulis kurang daripada 6 dialog, berikan 4 markah maksimum.

3. Jika jumlah markah isi/ idea, teknik dan gaya bahasa ialah 6 markah, berikan 2 markah kreativiti.

4. Jumlah dialog yang dicipta oleh calon lebih daripada lapan dialog, periksa seperti biasa.

Jumlah markah 8 markah

15. a) Nada sajak

Melankolik

Contoh :

Daun-daun pun berzikir

dengan bahasa diamnya

mencari wajah yang lain

merasa tenang dari kesibukan yang menyisih /

bagaimana mencari jernih sejarah

di puncak misteri

bagaimana menjaga amanah alam

dalam keruh keresahan industri. /

Ketika tidur di kakimu

memeluk bayangan silam

berselimutkan kisah sejarah

yang penuh sindiran alam

berbantalkan legenda rimba

kidung seorang puteri.

[2 + 2]

[Maksimum : 4 markah]

(b) Empat gaya bahasa

(i) Asonansi :

Di puncakmu aku terpegun (pengulangan bunyi vokal u)

(ii) Aliterasi :

Ketika tidur di kakimu (pengulangan bunyi konsonan k)

(iii) Personifikasi : [1 + 1]

Daun-daun pun berzikir / melihat mesranya pohon /

jari-jari mesra alammu

(iv) Metafora : [1 + 1]

puncak misteri / sungai setiamu / pohon sabarmu / lembah

ghairahmu / gunung legenda

(v) Anafora : [1 + 1]

pada sungai setiamu

pada pohon sabarmu

pada lembah ghairahmu

(vi) Sinkope : [1 + 1]

mu

(vii) Hiperbola : [1 + 1]

Memeluk bayangan silam / Berselimutkan kisah sejarah

(viii) Repetisi kata : [1 + 1]

Sejarah / bagaimana / alam

[Maksimum : 8 markah]

(c) Cipta sajak

(i) Tema 2

(ii) Bentuk 2

(iii) Bahasa 2

(iv) Kreativiti 2

Nota:

i. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon kurang

daripada tujuh baris, berikan 4 markah maksimum.

ii. Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan 1 markah maksimum untuk bentuk.

iii. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti.

iv. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada 15 baris, periksa seperti biasa.

v. Sajak yang tidak menepati tema sajak, berikan 0 markah untuk tema.

[Markah : 8 markah]

16 a) Dua persoalan

(i) Persoalan semangat cintakan tanah air / patriotisme. [1+1]

Contoh : Aku punya amanah yang perlu disampaikan kepada setiap warga watanku.

(ii) Persoalan memohon maaf apabila melakukan kesilapan. [1+1]

Contoh : Aku ingin memohon maaf pada Rosa.

(iii) Persoalan berterus terang menyampaikan sesuatu perkara. [1+1]

Contoh : Aku sudah terbiasa dan terlatih untuk menjadi seorang yang berterus terang.

(iv) Persoalan amanah menjalankan tugas. [1+1]

Contoh : Aku punya amanah yang perlu disampaikan kepada setiap warga watanku.

(v) Persoalan kejujuran terhadap sesuatu perkara. [1+1]

Contoh : Aku hanya menyampaikan sesuatu yang benar.

[Maksimum: 4 markah]

(b) Empat pengajaran

(i) Kita hendaklah gigih berusaha dalam melakukan sesuatu pekerjaan. [1+1]

Contohnya, “Aku” tetap gigih berusaha untuk menghubungi Rosa walaupun beberapa usahanya itu menemui kegagalan.

(ii) Kita hendaklah patuh kepada arahan ketua/ majikan. [1+1]

Contohnya, “Aku” patuh kepada arahan Ketua Pengarang tempat dia bekerja untuk membuat tugas di Singapura.

(iii) Kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Tuhan. [1+1]

Contohnya, “Aku” memanjatkan rasa syukurnya kepada Allah/ Tuhan apabila kapal terbang yang dinaikinya selamat mendarat di Lapangan Terbang Changi.

(iv) Kita hendaklah memiliki semangat setiakawan dalam persahabatan. [1+1]

Contohnya, walaupun “Aku” mempertahankan yang Pulau Batu Putih kepunyaan Malaysia tetapi “Aku” tidaklah bertegang leher dengan Rosa tentang isu tersebut sehingga boleh menggugat persahabatan mereka.

(v) Kita hendaklah bersikap jujur dalam menyampaikan berita. [1+1]

Contohnya, sebagai wartawan, “Aku” perlu bersikap jujur dalam melaporkan berita.

(vi) Kita hendaklah rajin bekerja. [1+1]

Contohnya, “Aku” membuat rujukan terlebih dahulu di laman web ICJ tentang senarai hakim yang akan menghakimi perbicaraan itu sebelum bertolak ke Belanda.

(vii) Kita janganlah terlalu percaya perkara tahyul. [1+1]

Contohnya, “Aku” masih percaya kepada ramalan bintang yang menentukan peribadi seseorang.

(viii) Kita hendaklah memiliki semangat patriotik / cinta akan negara. [1+1]

Contohnya, sebagai rakyat Malaysia “Aku” tetap menyatakan yang Pulau Batu Putih kepunyaan Malaysia/ Rosa begitu bersemangat mempertahankan negaranya dengan mengatakan bahawa Pedra Branca atau Pulau Batu Putih adalah milik Singapura.

(ix) Kita janganlah terlalu mementingkan pendapat sendiri tanpa mempertimbangkan pendapat orang lain. [1+1]

Contohnya, Rosa tetap dengan pendapatnya tentang drama yang ditonton oleh mereka tanpa memperdulikan pandangan “Aku”.

(x) Kita janganlah menjadikan perbezaan personaliti / latar belakang sebagai penghalang dalam persahabatan. [1+1]

Contohnya, walaupun “Aku” seorang wartawan dan berzodiak Aries manakala Rosa terlibat dalam seni tari dan berzodiak Cancer yang masing-masing mencerminkan ciri-ciri peribadi yang berbeza, namun tidak menghalang hubungan persahabatan yang akrab antara mereka.

(xi) Kita hendaklah berlaku adil ketika membuat sesuatu keputusan. [1+1]

Contohnya, perbicaraan berkaitan tuntutan bertindih antara Malaysia dan Indonesia tentang Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan diputuskan secara adil di Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

(xii) Kita janganlah bersikap sombong sesama manusia. [1+1]

Contohnya, jiran-jiran di sekeliling rumah Rosa bersikap sombong kerana mengambil sikap tidak tahu apabila “Aku” bertanya tentang Rosa.

(xiii) Kita harus sedia memohon maaf demi menjaga ikatan persahabatan. [1+1]

Contohnya, “Aku” bersedia memohon maaf daripada Rosa sekiranya perbezaan pendapat antara mereka tentang isu Pulau Batu Putih boleh merenggang persahabatan antara mereka

[Maksimum: 8 markah]

(c) Adaptasi – Cipta syair

(i) Tema 2

(ii) Bentuk 2

(iii) Bahasa 2

(iv) Kreativiti 2

[Maksimum: 8 markah]

Nota:

1. Calon yang menghasilkan satu rangkapsyair, berikan maksimum 4 markah.
2. Jika calon tidak menulis tajuk syair, tolak 1 markah kreativiti.
3. Rima yang tidak menepati rima akhir syair, tolak maksimum 1 markah bentuk.
4. Isi yang tidak berkaitan dengan petikan, tolak maksimum 2 markah kreativiti.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT